



CrossCheck

BAHASA MALAY

CrossCheck oleh Paul Adams
www.crosscheck.org.uk

Hakcipta © 1992, 1997, 2000, 2007, 2010, 2015, 2016, 2017, 2021 Paul Adams

Reka cipta dan atur huruf oleh Ben Desmond
www.bendesmond.com

Terbitan Pertama dalam tahun 2008 oleh **BeaconLight**
books@beaconlight.info
www.beaconlight.info

ISBN 978-1-906526-43-6

Ayat Firman Tuhan dan bahan tambahan dipetik dari Alkitab Good News (c) 1994 terbitan The Bible Societies/HarperCollins Publisher Ltd, UK Good News (c) American Bible Society 1966, 1971, 1976, 1992. Diguna dengan izin.

**BeaconLight**
biblical truth to share

mayb-21v1

Selamat datang ke CrossCheck

Ramai orang ingin mengetahui jika mereka adalah “ok” dengan Tuhan.

Walaupun dengan segala keseronokan, aktiviti dan kejayaan (dan juga kekecewaan), kebanyakan orang berasaka bahawa mesti ada ‘sesuatu yang lebih lagi’ dengan hidup ini – dan ia adalah sesuatu yang mengagumkan untuk mengenali Allah [Tuhan] sebagai sahabat, jika itu adalah mungkin.

Berita baiknya ialah anda boleh mengenal Tuhan! Anda dapat mengalami kasih sayang, pengampunan dan keamananNya. Ia bukan saja sesuatu yang mungkin – tetapi Allah sememangnya mahu anda menjadi sahabatNya.

CrossCheck adalah satu cara yang mudah untuk lihat bagaimana dan mengapa anda dapat menemui satu hubungan dengan Allah melalui Yesus.

Ratusan orang mendapati bahawa penjelasan ini membantu mereka dan telah meletakkan kepercayaan mereka pada Yesus.

Allah berkata terdapat lebih lagi kepada kehidupan dan Dia mahu anda memilikinya.

[Bahagian pertama buku ini menceritakan kisahnya.](#)

[Bahagian yang kedua menolong anda untuk CrossCheck](#)

Satu

Allah itu pemerintah – Dia memakai Mahkota. Dia memiliki mempunyai semua segala kuasa dan semua segala hak kuasa hanya dengan menyebut sahaja, dia dapat menciptakan sesuatu.

Dia mengucapkan perkataan kepada ruangan kosong dan menciptakan matahari, bulan dan bintang-bintang...dan dunia ini...dan kita... sebagai lelaki dan perempuan...untuk berada di dunia ini, untuk menjaganya bagi Dia.

Ketika Apabila Allah mencipta kita, Dia melakukannya dengan cara di mana adanya satu jalan komunikasi yang jelas dan terbuka antara Allah dan manusia. Allah mahu mereka menjadi sahabat-sahabatNya.


Allah dapat memberitahu mereka bagaimana cara untuk menjaga dunia. Dan yang terlebih penting, Allah tidak menjadikan manusia sebagai hambaNya, tetapi sebagai sahabat sejati denganNya.

Apabila Dan ketika Allah telah melihat segala ciptaanNya, termasuk lelaki dan perempuan, Dia mengatakan bahawa segalanya adalah, “Sangat baik”!

Jadi, anda perhatikan, kita mempunyai satu tugas yang sangat istimewa dalam alam semesta ciptaan Allah ini seperti yang kita baca dalam [Kejadian 1 ayat 26 – 27](#).

Kejadian 1 v 26-27

²⁶ Kemudian Allah berkata, “Sekarang Kita akan membuat manusia yang akan menjadi seperti Kita dan menyerupai Kita. Mereka akan berkuasa atas ikan-ikan, burung-burung, dan segala binatang lain, baik jinak maupun liar, baik besar maupun kecil.” ²⁷ Demikianlah Allah menciptakan manusia, dan dijadikannya mereka seperti diri-Nya sendiri. Diciptakan-Nya mereka laki-laki dan perempuan.



Dua

Sekarang, Allah membuat peraturan kerana Dia adalah pemerintah, tetapi dengan cepatnya orang membantah: “Tidak, saya ingin menguruskan dunia ini mengikut cara saya. Saya mahu berkuasa dan melakukannya mengikut cara saya”

Hal ini masih menjadi masalah terbesar di dunia. ‘Aku’ yang besar. Anda akan mendapatinya terletak di tengah-tengah kesombongan: ia adalah pusat dosa.

Dosa menghalang jalan komunikasi antara Allah dan manusia. Dosa mencipta satu awan yang memisahkan kita daripada kasihNya seperti yang kita baca dalam Yesaya 59:1-2.

Kita memutuskan untuk menjadi pemerintah dan bukannya Allah. Kita telah mengisytiharkan diri kita sebagai tuan ke atas takdir kita.

Kesan pada jurang komunikasi ini adalah manusia tidak lagi memahami sepenuhnya pesanan-pesanan Allah. Mereka tidak dapat melihat bagaimana rencana Allah bagi dunia ini berfungsi, atau cara terbaik untuk menguruskannya.

Kita cuba untuk melakukan yang terbaik kita boleh tetapi oleh kerana kita tidak memahami rencana Allah, kita sendiri menyumbang kepada keadaan kucar-kacir di dalam dunia ini.


Manusia tidak dapat menjalani satu kehidupan yang benar-benar jujur. Kita hidup terpisah dari persahabatan dengan Allah hingga ke saat kematian kita. Maka kita perlu bertanggungjawab ke atas penderhakakan kita kepada Allah.

Yesaya 59 v 1-2

¹ Sesungguhnya, tangan Tuhan tidak kurang panjang untuk menyelamatkan, dan pendengarNya tidak kurang tajam untuk mendengar; ² tetapi yang merupakan pemisah antara kamu dan Allahmu ialah segala kejahatanmu, dan yang membuat Dia menyembunyikan diri terhadap kamu, sehingga Ia tidak mendengar, ialah segala dosamu.

Ibrani 9 v 27

²⁷ Dan sama seperti manusia ditetapkan untuk mati hanya satu kali saja, dan sesudah itu dihakimi.



Tiga

Allah mengasihi semua ciptaanNya.

Cukup menakjubkan, Dia juga mengasihi manusia meskipun sikap pemberontakan, sifat tamak dan ketidakupayaan mereka untuk menjalankan kehidupan yang benar sepenuhnya!

Dia begitu mengasihi kita sehingga Dia tidak mahu kita menderita dalam penghukuman akhir. Allah mengambil berat bahawa dosa-dosa kita memutuskan kita daripada kasihNya. Dia tahu bahawa tanpa pertolongan luar, kita akan berdepan dengan kematian kekal.

Jadi Allah menyediakan satu rancangan, sebelum Dia mencipta dunia ini dan sebelum wujudnya perkara-perkara yang tidak betul.

Rancangannya adalah untuk mengutus Yesus (yang merupakan Allah dalam bentuk manusia) menjadi manusia, agar membawa umat manusia

kembali kepada Allah. Baca ini dalam Yohanes 3:16.

Cara bagaimana Yesus melakukannya adalah luarbiasa dan dinyatakan dalam 1 Petrus 2:24.

Perhatikan, ketika Yesus mati, dia mengambil tanggungjawab ke atas dosa setiap orang (menganggungnya di atas diriNya sendiri – ke atas tubuh badannya). Dia mengambil semua dosa setiap manusia di dalam dunia – masa lalu, sekarang dan dalam masa depan, Kita yang sepatutnya mengganggu semua akibat dosa dan pemberontakan, tetapi Yesus yang dihukum dan bukan kita.

Sebagai Tuhan, Dia sendiri tidak ada dosa yang harus dibayarNya. Jadi kematiannya dapat membayar semua hukuman dosa yang sepatutnya kita terima. Yesus memilih untuk melakukannya kerana Dia mengasihi kita.

Yohanes 3 v 16

¹⁶ Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Ia telah mengurniakan AnakNya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepadaNya tidak binasa, tetapi mendapat kehidupan yang kekal.

1 Petrus 2 v 24

²⁴ Ia sendiri telah memikul dosa kita di dalam tubuhNya di kayu salib.



Empat

Seperti yang anda tahu, Yesus tidak mati selamanya. Dia telah bangkit dari kematian (telah menunaikan keadilan Allah bahawa pemberontakan harus dibayar).

Ketika Yesus bangkit dari kematian, Dia meninggalkan kayu salib yang kosong. Buat pertama kalinya, sejak permulaan dunia, satu cara komunikasi yang jelas telah terbuka di antara Allah dan manusia – seperti yang direncanakan Allah.

Adalah menjadi matlamat Allah bahawa manusia harus hidup dengan harmoni denganNya dan menurut perintahNya; tetapi sekarang ada satu tanggungjawab khusus sejak Yesus memberikan hidupnya untuk kita, seperti yang kita baca dalam 2 Korintus 5:15.

Namun, meskipun setelah semua yang Yesus telah lakukan dengan mati bagi kita, kebanyakan orang masih berkeras untuk memakai mahkota mereka sendiri. Mereka menjalankan kehidupan mereka seolah-olah Yesus tidak pernah mati.

Mereka yang masih memberontak terhadap Allah, adalah dihalang daripada menikmati persahabatan denganNya. Mereka tidak tahu cara untuk melakukan apa yang benar. Jadi mereka tetap berhadapan dengan penghukuman Allah.

Setiap orang akan bertanggungjawab ke atas tindakan mereka sendiri. Terutamanya jika mereka tetap memberontak meskipun setelah pengampunan diberikan seperti yang dikatakan dalam Kisah Para Rasul 17:30 & 31.

2 Korintus 5 v 15

¹⁵ Dan Kristus telah mati untuk semua orang, supaya mereka yang hidup, tidak lagi hidup untuk dirinya, tetapi untuk Dia, yang telah mati dan telah dibangkitkan untuk mereka.

Kisah Para Rasul 17 v 30 & 31

³⁰ Dengan tidak memandang lagi zaman kebodohan, maka sekarang Allah memberitakan kepada manusia, bahawa di mana-mana semua mereka harus bertaubat. ³¹ Kerama Ia telah menetapkan suatu hari, pada waktu Ia dengan adil akan menghakimi dunia oleh seseorang yang telah ditentukanNya, sesudah Ia memberikan kepada semua orang suatu bukti tentang hal itu dengan membangkitkan Dia di antara orang mati.



Lima

Allah mahu setiap orang memiliki hidup baruNya. Dia telah membukakan, untuk kita, satu cara baru untuk berkomunikasi dengan Dia....melalui kematian Yesus di atas kayu salib. Ia adalah seperti, pada kaki kayu salib itu ada pintu menuju ke dalam hidup kita. Kita membaca tentang ini dalam Wahyu 3:20.

Yesus berdiri di luar pintu hati kita dan mengetuk untuk masuk. Dia berjanji bahawa jika kita membuka pintu, Dia akan masuk ke dalam hidup kita. Dia akan bersama dengan kita (makan bersama kita).

Hal ini bukan hanya satu jamuan alu-aluan, tetapi juga satu urusan bisnes. Dia berjanji (pengorbanan Yesus adalah bayaran yang cukup) untuk mengampuni semua dosa kita. Dia secara peribadi telah menerima tanggungjawab untuk membina semula hidup kita. Ia seperti

Allah meletakkan satu papan tanda yang menunjukkan bahawa bisnes ini terletak di bawah pengurusan yang baru.

Tanda itu adalah, “Allah dan Anak-anakNya”, oleh kerana apa yang Yesus katakan dalam Yohanes 1:12.

Ketika Yesus masuk ke dalam hidup seseorang melalui Roh Kudus, Dia bukannya datang untuk mengawal kita seperti robot tetapi untuk menjadi rakan kanan dalam bisnes Bapa. Ini menjadikan kita rakan muda dengan Allah.

Dia masih memberikan kita tanggungjawab untuk pengurusan harian hidup kita tetapi Dia menolong kita dengan arahanNya dan kuasaNya.

Yesus berjanji untuk selalu bersama kita, seperti yang diucapkanNya dalam Matius 28:20.

Wahyu 3 v 20

²⁰ Lihat, Aku berdiri di muka pintu dan mengetuk; jikalau ada orang yang mendengar suaraKu dan membukakan pintu, Aku akan masuk dan makan bersama-sama dengan dia, dan ia bersama-sama dengan Aku.

Yohanes 1 v 12

¹² Tetapi kepada semua orang yang menerimanya, kepada semua yang mempercayai namaNya, Ia memberi kuasa kepada mereka untuk menjadi anak-anak Allah.

Matius 28 v 20

²⁰ Aku sentiasa dengan anda.



Enam

Buat CrossCheck/semakan sendiri!

Dalam bahagian pertama buku ini, kita telah melihat berita baik tentang Allah.

Tetapi banyak orang mahu memeriksa sendiri kedudukan mereka di dalam cerita itu. Jika anda ingin berbuat demikian, di sini ada satu senarai semak yang ringkas untuk membantu anda.

Halaman yang seterusnya dapat membantu anda memikirkan langkah-langkah itu.

Terima

Percaya

Timbangkan

Lakukan Bertaubat
Terima

Menerima

Menerima - kotak 1 & 2

Kotak 1

Adakah anda menerima bahawa:

- Allah itu pemerintah
- Allah itu satu-satunya pencipta segalanya
- Allah telah mencipta lelaki dan perempuan untuk menjaga dunia miliknya
- Ketika Allah mencipta manusia terdapat satu cara komunikasi yang jelas

Kotak 2

Adakah anda menerima bahawa:

- Allah berhak untuk membuat peraturan-peraturan
- Sikap tamak dan dosa wujud
- Dosa menghalang kita menjadi sahabat Allah
- Dosa adalah pemberontakan terhadap hak kuasa Allah
- Manusia ingin menguruskan kehidupan mereka sendiri
- Adalah munasabah untuk bertanggungjawab terhadap pemberontakan
- Allah akan menghakimi orang yang memberontak

Jika anda bersetuju, tandakan kotak ini:

Terima

Percaya

Timbangkan

Lakukan Bertaubat Terima

1



2



Percaya

Percaya - kotak 3 & 4

Kotak 3

Adakah anda percaya bahawa:

- Allah mengasihi semua yang diciptakanNya
- Allah ingin menyelamatkan manusia daripada pemberontakan mereka dan akibatnya
- Yesus Kristus adalah Allah
- Yesus pernah hidup di dunia
- Yesus telah mati secara fizikal di atas kayu salib
- Yesus mati untuk membayar hukuman bagi dosa semua orang

Kotak 4

Adakah anda percaya bahawa:

- Yesus telah dibangkitkan dari kematian
- Adalah mungkin untuk persahabatan yang sejati dengan Allah
- Allah mahu manusia hidup bagi Dia dan bukan bagi diri mereka sendiri
- Kebanyakan orang masih mahu menguruskan kehidupan mereka sendiri – meskipun setelah apa yang Yesus telah lakukan
- Allah mahu agar setiap orang bertaubat dan hidup bagi Dia

Jika anda bersetuju, tandakan kotak ini:

Terima

Percaya

Timbangkan

Lakukan Bertaubat Terima

3



4



Timbangkan

Timbangkan - menanggalkan mahkota

Sudahkah anda mempertimbangkan bahawa menanggalkan mahkota anda bermaksud:

- Menerima bahawa Allah adalah pemerintah
- Mengakui pemberontakan masa lalu
- Menyambut kuasa Allah
- Memilih untuk hidup menurut perintah Allah
- Memilih untuk tidak terus berdosa

Terima

Percaya

Timbangkan

Lakukan Bertaubat
Terima

Jika anda bersetuju, tandakan kotak ini:

Lakukan Bertaubat Terima

Kotak 5

Sudahkah anda:

- Mendengar Yesus mengetuk pintu hatimu
- Membuka pintu kepada Yesus
- Menerima Yesus ke dalam hidupmu
- Membiarkan Yesus menyucikan hidupmu
- Mula bekerjasama dengan Roh Kudus dalam menjalani satu kehidupan yang baru

Jika anda telah menyemak senarai ini dan bersetuju dengan setiap kotak kemudian anda mungkin sudah mengenal Yesus sebagai anda Tuhan, penyelamat dan kawan peribadi.

Jika anda belum menyambutnya, beloklah ke halaman seterusnya!

Jika anda bersetuju, tandakan kotak ini:

Terima
Percaya
Timbangkan
Lakukan Bertaubat
Terima

5



Satu Keputusan

- satu keputusan untuk dibuat

Jika anda tahu bahawa Yesus sedang mengetuk pintu hatimu dan anda bersedia untuk menganggalkan mahkota anda dan minta Dia masuk ke dalam hidup anda, maka sekarang adalah waktu untuk mengundangnya.

Mungkin doa ini dapat membantu anda berbuat demikian:

Tuhan Allah,

Saya telah banyak melakukan kesalahan tetapi saya tidak menyedari semuanya adalah kesilapan saya sendiri.

Sekarang saya menyedari semuanya adalah salah saya.

Saya mohon ampun kepada Engkau

Saya percaya bahawa ketika Yesus mati di kayu salib dia telah membayar dosa saya.

Sekarang saya ingin menganggalkan mahkota saya kepada Yesus.

Saya mahu Engkau masuk ke dalam hati saya agar Roh KudusMu akan bersama dengan saya selama-lamanya.

Saya akan bekerjasama dengan Engkau dan menerima pimpinanMu dalam melakukan apa yang benar.

Masuklah ke dalam hidup saya sekarang;

Jika anda telah bertaubat dari dosamu dan telah mengundang Yesus ke dalam hidupmu:

Dia telah masuk!

Dan itu adalah satu janji

Satu perkara akhir – beritahu seorang Kristian yang lain bahawa anda telah menjadi anggota keluarga Allah!

Jika anda mahu menghantar emel kepada CrossCheck kami akan mengirim kepada anda satu penerangan yang berguna tentang bagaimana untuk menjalankan kehidupan baru anda sebagai seorang Kristian yang benar (seseorang yang memiliki 'Kristus di dalam')!

info@crosscheck.org.uk



You can also watch
the video at:
www.crosscheck.org.uk



Satu emel devosi yang
jelas, percuma dan unik

Dibaca di lebih 190
negara




Biarkan alkitab
memotivasikan hari
bekerja anda!

wordatwork.org.uk



- ▶ BELAJAR UNTUK MEMAHAMI ALKITAB
- ▶ BELAJAR UNTUK MENGAPLIKASI ALKITAB
- ▶ BELAJAR UNTUK HIDUP MENURUT ALKITAB SETIAP HARI
- ▶ BELAJAR UNTUK MEMBANTU ORANG LAIN

beaconlight.co.uk



Terima
Percaya
Timbangkan
Lakukan Bertaubat
Terima